

# Masa depan Melayu lebih utama: Musa

SEGAMAT, Khamis — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam merayu semua ahli Umno kembali bersatu dan menyetepikan persengketaan sesama sendiri.

Katanya, ada perkara yang lebih utama harus difikirkan iaitu masa depan orang Melayu selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tamat tempohnya tahun depan.

"Tidak usahlah kita salahkan sesiapa kerana mereka yang ada kuasa dan memegang jawatan sudah memberi jalan dalam banyak perkara," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perhimpunan perpaduan Melayu di Sekolah Datuk Bentara Dalam, dekat sini, malam tadi.

"Saya mengaku terpaksa memberi jalan dan itu sajalah jalan keluar bagi mengatasi masalah perpaduan demi kemajuan orang Melayu," katanya.

Beliau mahu perpaduan demi kemajuan diutamakan bagi kepentingan orang Melayu khususnya. Ini kerana perpaduan orang Melayu adalah faktor terpenting dalam kemajuan negara pada keseluruhannya.

## Kajian

Datuk Musa yang memperbaharui keahliannya dalam Umno Selasa lalu, berkata Umno yang mewakili orang Melayu, harus membuat kajian khusus mengenai pelaksanaan dan kejayaan DEB untuk mendapat perspektif apabila satu dasar baru digubal menggantikannya selepas 1990.

"Setahu saya setakat ini tidak ada kajian mendalam dibuat mengenai apa yang belum dan sudah dicapai serta bagaimana cara mendekati dasar ekonomi apabila DEB tamat.

"Sungguhpun agak lambat, saya fikir masih ada masa lagi untuk kita atas nama Umno sekurang-kurangnya, membuat kajian khusus mengenai DEB kerana tidak boleh dinafikan dasar yang digubal pada 1970 itu memberi keutamaan kepada orang Melayu yang begitu lama ketinggalan," katanya.

"Pada hemat saya, kita tidak boleh salahkan sesiapa, sebaliknya salahkanlah perpecahan kita. Dalam hubungan ini, kita sama-sama bersalah, jadi saya harap kita dapat menyetepikan segala yang berlaku dan balik ke pangkal jalan.

"Menerusi perpaduan yang wujud kini, kita seharusnya menggembeleng tenaga dan pemikiran untuk melihat kedudukan sebenar orang Melayu dan tahap kejayaan yang sudah dicapai," katanya.